

WANITA

1979

KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU KAUM WANITA JANGAN MELALAIKAN TUGAS MEREKA SEBAGAI PENJAGA RUMAHTANGGA, ISTERI DAN IBU SEMASA MEMERUSKAN TUGAS MEREKA SEBAGAI AGEN PEMBANGUNAN.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN KETUJUH RANTAU ASIA BAGI GABUNGAN WANITA DESA DUNIA DI SINI BELIAU BERKATA KEUPAYAAN KANAK-KANAK KITA MENGHADAPI CABARAN DUNIA BERGANTUNG BESAR PADA KESTABILAN DALAM RUMAHTANGGA SENDIRI YANG MANA MENENTUKAN SIKAP, KEKUATAN DAN KELEMAHAN KANAK-KANAK.

PERSIDANGAN ENAM HARI ITU DIANJURKAN OLEH PERSATUAN KEBANGSAAN PERKUMPULAN WANITA SEMENANJUNG MALAYSIA DIHADIRI OLEH WAKIL-WAKIL DARI AUSTRALIA, PAKISTAN, INDONESIA, INDIA, SRI LANKA, FILIPINA, NEGERI THAI, BRUNAI DAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAH NXWR BERKATA MEMANDANGKAN YANG SALAHGUNA DADAH DAN PERBUATAN JENAYAH SEMAKIN MEREBAK, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA MENENTUKAN KANAK-KANAK MENDEPAT BIMBINGAN BAIK DAN TUNJUK AJAR YANG BETUL.

+MEREKA HENDAKLAH DIAJAR NILAI-NILAI YANG BETUL DENGAN TUJUAN MENJADIKAN MEREKA TAHAN MENGHADAPI UJIAN PENGARUH TIDAK SEHAT YANG DIJUJUDKAN DALAM MASYARAKAT MODEN, + TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 2029/LK

WANITA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SISTEM DAN TRADISI KELUARGA ASIA DENGAN MENGUTAMAKAN TATACARA MORAL YANG TINGGI HENDAKLAH DIJUNJUNG SESUAI DENGAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERANAN WANITA DALAM MASYARAKAT HARI INI MENJADI SEMAKIN BERTAMBAH PENTING SAMADA DALAM NEGARA-NEGARA MAJU DAN SEDANG MEMBANGUN.

DI MALAYSIA WANITANYA MEMPUNYAI KEBEBASAN YANG AGAK BANYAK DALAM KONTEK KEBUDAYAAN DAN NILAI ASIA SERTA KAWASAN TIMUR.

PERSAMAAN HAK TERJAMIN DALAM PERLEMBAGAAN DAN PELUANG DIBERI KEPADA WANITA DI BIDANG PELAJARAN, POLITIK DAN BERBAGAI KEGIATAN EKONOMI.

KATANYA, ADALAH MENJADI KENYATAAN BAHAWA WANITA YANG TERDIRI KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADA SUMBER MANUSIA DAN 33 PERATUS DARIPADA TENAGA BURUH TELAH PUN MENEMPATKAN DIRI MEREKA DALAM PROSES PEMBANGUNAN NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN MENUMPUNKAN PERHATIAN TERHADAP MASALAH WANITA DESA DENGAN MENIMBANGKAN BAHAWA ASIA MASIH LAGI SEBUAH KAWASAN PERTANJAN.

DI MALAYSIA, KATANYA, ADALAH PERLU BAGI MEMBERI PERHATIAN TERHADAP MASALAH WANITA DESA YANG TERDIRI DARIPADA KIRA-KIRA 58 PERATUS DARIPADA TENAGA PEKERJA WANITA SELURUHNYA. -- BERNAMA